

**Najib Kunjungi Rumah Terbuka Dr Mahathir
Bernama
18 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 18 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak hari Ahad mengunjungi majlis rumah terbuka bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad di sini.

Najib, yang ditemani isteri Datin Seri Rosmah Mansor tiba di kediaman bekas perdana menteri itu kira-kira pukul 1.30 tengah hari.

Ketibaan Najib dan Rosmah turut disambut anggota keluarga Dr Mahathir termasuk isterinya Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan anak mereka Menteri Besar Kedah Datuk Mukhriz.

Perdana menteri dan isteri kemudian menikmati juadah yang disediakan antaranya sate, ketupat dan rendang.

Majlis rumah terbuka itu dihadiri kira-kira 20,000 pengunjung terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan agama serta tidak ketinggalan warga asing.

Antara yang turut hadir Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=970770>